

# UMSKAL johan Pertandingan Debat Piala Pengetua

NST 19.4.2018 7

LABUAN: Kelab Debat Bahasa Melayu Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (KDBMKAL) telah mencatat sejarah selepas dinobatkan sebagai johan dalam Pertandingan Debat Piala Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTm) yang berlangsung di UMS, Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Dengan kekuatan seramai 10 pendebat KDBMKAL dan seorang jurulatih, Hasrul Effendi Muhd Salleh, UMSKAL telah menghantar tiga pasukan ke Pertandingan Debat Piala Pengetua KKTm yang berlangsung selama tiga hari dua malam.

Satu daripada pasukan yang dihantar telah berjaya ke pentas akhir Pertandingan Debat Piala Pengetua KKTm yang diwakili oleh mahasiswi tahun akhir di UMSKAL iaitu Nur Medina Khairul Anuar, Fatin Nabilah Baharin dan Nur Jannah Mohd Firdaus yang merangkul piala dan wang tunai serta sijil penyertaan.

Pasukan UMSKAL terus ceria apabila Fatin Nabilah Baharin telah berjaya menarik perhatian juri sehingga memilihnya sebagai pendebat ter-

baik pentas akhir pertandingan debat tersebut.

Walaupun terpaksa mengharungi perjalanan yang jauh, pasukan pendebat tempuhi bersama barisan Majlis Perwakilan Pelajar Kampus Antarabangsa Labuan (MPPKAL) yang sudi menghulurkan bantuan kepada pasukan KDBMKAL dalam misi untuk sampai ke Pertandingan Debat Piala Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTm) di Universiti Malaysia Sabah.

Sekalung penghargaan buat pihak pengurusan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan, Sektor Perumahan dan Hospitaliti UMSKAL serta Majlis Perwakilan Pelajar Kampus Antarabangsa Labuan (MPPKAL) yang telah memberikan kepercayaan buat KDBMKAL mewakili UMSKAL ke pertandingan tersebut.

Kekal diingatkan buat penyelaras KDBMKAL yang sentiasa memberikan sokongan dan turut menyaksikan pertandingan tersebut iaitu Suzillah Sidek yang juga Pensyarah Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL). **-OLEH JAIN-UDIN DJIMIN**



JOHAN.....Kelab Debat Bahasa Melayu UMSKAL johan Debat Piala Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha.